



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
KENYATAAN MEDIA  
BIL. 1 / 2025**

**PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN  
DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN DISEMBER  
TAHUN 2024 (DPT BLN12/2024)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Disember Tahun 2024 (DPT BLN12/2024)** telah diperaku pada **21 Januari 2025** dan diwartakan pada **22 Januari 2025**. DPT BLN12/2024 ini dibuka untuk semakan selama **30 hari mulai 22 Januari 2025 hingga 20 Februari 2025**.
2. DPT BLN12/2024 ini mengandungi **42,333** nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Disember 2024 hingga 31 Disember 2024** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **7,844** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **2,814** orang pemilih bertukar kategori pengundi/ status.
3. SPR menyediakan lima (5) kaedah semakan bagi DPT BLN12/2024 iaitu seperti berikut:
  - (a) Portal SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau <https://mysprsemak.spr.gov.my>;
  - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>;
  - (c) Aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my>;
  - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
  - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-8892 7218**.

4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Disember 2024 hingga 31 Disember 2024** dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran kategori pengundi/ status untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN12/2024. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN12/2024, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri** di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada **Pengarah Pilihan Raya Negeri** berkenaan untuk membuat serahan dan membayar fi bantahan pada waktu pejabat pada **mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN12/2024.
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN12/2024 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

22 Januari 2025 / 22 Rejab 1446H